

SYARAT-SYARAT DAN TERMA PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada pengguna-pengguna domestik (tarif T1) sahaja. Semua pengguna air yang berdaftar di SADA boleh menyertai Program Cabutan Hadiah Bonanza ini.
2. Tarikh penyertaan adalah bermula pada 01 Mac 2021 dan berakhir pada 30 Disember 2021. Pengguna boleh menyertai program ini pada mana-mana tarikh sepanjang tempoh program dijalankan.
3. Pengguna perlu kekal tanpa tunggakan pada tarikh akhir program. Penyertaan akan terbatal sekiranya pengguna mempunyai baki tunggakan pada 30 Disember 2021.
4. Hanya penama di borang penyertaan (sama ada penyewa/pemilik/penghuni) yang layak untuk memenangi hadiah cabutan bonanza ini. Ia tidak tertakluk kepada penama di akaun pengguna yang didaftarkan di SADA sahaja.
5. Borang penyertaan hanya boleh didapatkan di kaunter SADA di setiap daerah dan wilayah. Borang penyertaan yang tidak lengkap/maklumat yang tidak jelas/tidak boleh dibaca akan dibatalkan penyertaan.
6. Penyerahan borang penyertaan hendaklah dimasukkan ke dalam kotak cabutan yang disediakan di kaunter SADA selewat-lewatnya pada pukul 4.00 petang, 30 Disember 2021. Borang yang diterima selepas tarikh tamat program adalah tidak layak untuk menyertai cabutan ini.
7. SADA berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan tanpa notis sekiranya pengguna tidak mengikut syarat yang ditetapkan.
8. SADA mempunyai budi bicara mutlak untuk menyemak semula kriteria, syarat-syarat kelayakan dan cabutan hadiah dari semasa ke semasa sebagaimana yang SADA fikirkan sesuai.
9. SADA berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan mana-mana hadiah yang ditawarkan dengan hadiah lain yang sama nilai sekiranya tiada stok di pasaran. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
10. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat atau panggilan telefon dan pengumuman akan turut disertakan di laman sesawang rasmi SADA. Peserta yang berjaya dalam cabutan tetapi gagal dihubungi adalah tidak layak untuk memenangi hadiah yang ditawarkan.
11. SADA berhak menggunakan gambar pemenang/nama/maklumat/hal-hal yang berkaitan untuk tujuan publisiti, promosi dan pengiklanan tanpa meminta kebenaran atau memberi notis kepada pemenang.
12. Keputusan pemenang adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.

FAQ MENGENAI PROGRAM CABUTAN HADIAH BONANZA BAGI PENGGUNA DOMESTIK DI KEDAH

APAKAH ITU PROGRAM CABUTAN HADIAH BONANZA OLEH SADA?

- Program Cabutan Hadiah Bonanza adalah satu tawaran khas oleh Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) kepada pengguna-pengguna air domestik (T1) di Kedah untuk memperoleh peluang memenangi pelbagai hadiah menarik dengan hanya membayar bil air.

BILAKAH TARIKH MULA DAN AKHIR PENYERTAAN BAGI PROGRAM INI?

- Program ini bermula pada 01 Mac 2021 dan berakhir pada 30 Disember 2021. Pengguna boleh menyertai program ini pada mana-mana tarikh sepanjang tempoh program dijalankan.

BAGAIMANAKAH PENGGUNA BOLEH MENYERTAI PROGRAM INI?

1. BAGI AKAUN BERTUNGGAKAN

- Pengguna perlu membayar **keseluruhan jumlah tunggakan** (dalam satu resit bil) bagi akaun yang berkenaan bagi melayakkan pengguna memperoleh satu borang penyertaan.
- Jumlah tunggakan minimum yang ditetapkan bagi melayakkan pengguna menyertai program ini adalah RM150.00.
- Bagi pengguna yang terlibat dalam pelan ansuran berjadual oleh pihak SADA, pengguna perlu menyelesaikan keseluruhan jumlah tunggakan seperti yang dipersetujui sebelum memperoleh borang penyertaan.

2. BAGI AKAUN TIDAK BERTUNGGAKAN

- Pengguna perlu membuat bayaran bil semasa dan bayaran pendahuluan dengan jumlah minimum **RM150.00 (dalam satu resit bil)** bagi memperoleh satu borang penyertaan.
- Jika pengguna mahu mendapatkan borang penyertaan seterusnya bagi memperoleh lebih banyak peluang, pengguna boleh membuat bayaran dengan jumlah minimum RM150.00 bagi bayaran bil pada bulan seterusnya (menggunakan mekanisme yang sama - bil semasa dan bayaran pendahuluan dalam satu bil dengan jumlah minimum RM150.00).

BAGAIMANA PROGRAM INI BERFUNGSI?

- Pengguna yang telah menyertai program ini perlu kekal tanpa tunggakan pada tarikh akhir program. Pihak SADA berhak menarik balik penyertaan jika terdapat tunggakan pada tarikh akhir program iaitu 30 Disember 2021.
- Tiada sebarang pengecualian dari tindakan penguatkuasaan, potong sambung, atau serahan notis peringatan pemotongan oleh SADA bagi akaun yang terlibat dalam penyertaan program cabutan hadiah bonanza ini.

ADAKAH TERDAPAT MEDIUM LAIN BAGI MENYERTAI PROGRAM INI?

- Tidak, borang penyertaan bagi menyertai program ini hanya boleh didapatkan di kaunter SADA di setiap daerah dan wilayah.
- Jika pembayaran dilakukan secara online, pengguna layak memperoleh borang penyertaan jika dapat mengemukakan resit bayaran dan syarat-syarat penyertaan dipenuhi.

ADAKAH PENYERTAAN INI BOLEH TERBATAL?

- Ya, pihak SADA berhak menarik balik penyertaan jika terdapat tunggakan pada tarikh akhir program iaitu 30 Disember 2021.

BAGAIMANA JIKA PENGGUNA MAHU MENDAPATKAN MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI BERKENAAN PROGRAM INI?

- Pengguna boleh menghubungi pejabat-pejabat SADA yang berhampiran atau terus hubungi Jabatan Hasil SADA di talian 04-7400500 (ext: 931) untuk keterangan lanjut.